

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN [SELANGAU]

SOALAN

TUAN BARU BIAN [SELANGAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan Akta Laut Wilayah 2012 yang mengurangkan sempadan laut Sarawak kepada tiga batu nautika, memandangkan Sarawak telah meluluskan cadangan untuk menolak keputusan tersebut. Adakah terdapat rancangan untuk memansuhkan atau meminda akta tersebut supaya Akta tidak guna pakai kepada Sarawak dan Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750] telah diperbuat oleh Parlimen dan berkuat kuasa mulai 22 Jun 2012. Berdasarkan subseksyen 1(2) Akta 750, Akta tersebut terpakai bagi seluruh Malaysia. Berdasarkan tajuk panjang Akta Laut Wilayah 2012, tujuan Akta tersebut dibuat adalah "*Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi laut wilayah Malaysia dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.*" Oleh itu tujuan Akta ini adalah untuk memelihara keutuhan wilayah Malaysia.

Memandangkan Malaysia menjadi negara anggota kepada Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (*United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)*) pada tahun 1996 dan bagi memenuhi obligasi Malaysia di bawah UNCLOS, Akta Laut Wilayah 2012 telah digubal untuk menggantikan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu), No. 7 1969 [P.U. (A) 307A/1969] ("Ordinan No.7, 1969")

(yang telah berhenti berkuat kuasa berikutan pengungkaian ketiga-tiga Proklamasi Darurat) untuk meneruskan *status quo* di sisi undang-undang berkenaan dengan penetapan lebar laut sebagaimana yang ditetapkan oleh Ordinan No. 7, 1969.

Selain itu, Akta Laut Wilayah 2012 juga digubal memandangkan bahawa tiada undang-undang Persekutuan lain yang menetapkan lebar laut Wilayah Malaysia bagi Persekutuan dan Negeri-Negeri selain Ordinan No.7 1969 yang telah berhenti berkuat kuasa.

Sesungguhnya penggubalan Akta Laut Wilayah 2012 adalah selaras dengan kuasa perundangan Parlimen menurut Perkara 74(1) Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan perkara yang berikut:

- (i) Butiran 1(a) dan (b) Senarai I Senarai Persekutuan Perlembagaan Persekutuan berhubung “Hal-ehwal luar Negeri termasuk—
 - (a) triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain dan segala perkara yang menghubungkan Persekutuan dengan mana-mana negara lain;
 - (b) pelaksanaan triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain”; dan
- (ii) Butiran 2 Senarai I Senarai Persekutuan Perlembagaan Persekutuan berhubung “Pertahanan bagi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya”.

Kesimpulannya, Akta Laut Wilayah 2012 adalah perlu untuk memelihara hak kedaulatan Malaysia ke atas laut wilayahnya dan bagi menjamin keutuhan keselamatan dan integriti wilayah kekal sebagaimana sedia ada. Sehubungan dengan itu, dari segi undang-undang adalah tidak wajar pemakaian Akta yang menyentuh hal ehwal kedaulatan negara, pelaksanaan triti antarabangsa serta keselamatan/pertahanan sempadan negara ini dikecualikan bagi mana-mana Negeri.

Sekian, terima kasih.